

## **MUDAH.MY PLATFORM TERBAIK UNTUK BELI KERETA TERPAKAI DI MALAYSIA**

*Rakyat Malaysia kini mempunyai lebih daripada 1,800 kereta terpakai yang telah diperiksa - secara langsung berjaya menempa nama di dalam 'Malaysia Book of Records'.*

**Kuala Lumpur, Januari 17, 2022** - Mudah.my, platform jual-beli kereta terpakai no.1 di Malaysia, sedang giat menambah jumlah kereta terpakai yang telah diperiksa lengkap dengan jaminan. Ini adalah selari dengan usaha Mudah.my untuk menempa nama di dalam 'Malaysia Book of Records', bagi kategori yang disebutkan di atas.



Jaminan selepas jualan ini adalah selari dengan program Pemeriksaan & Perlindungan Kenderaan Mudah (mVIP).



Dilancarkan pada bulan Ogos tahun lalu, tujuan program ini adalah untuk memberikan kepastian dan ketenangan fikiran kepada pembeli yang bercadang untuk membeli kereta terpakai sekaligus mengetepikan sebarang ketidakpastian dan keraguan dengan tiga jaminan: Pertama, dengan mengesahkan pendaftaran kereta dan maklumat pemilik kereta. Kedua, mengesahkan keadaan sebenar kereta dengan proses pemeriksaan yang komprehensi, dan ketiga, menawarkan peluang kepada pembeli kereta untuk membeli jaminan tambahan bagi melindungi pembeli dari sebarang kos pembaikan di masa akan datang.

“Program mVIP ini telah dilancar untuk mencipta pasaran kereta yang telus dan dipercayai dengan memberikan laporan yang jujur tentang keadaan kereta yang akan dibeli. Program ini juga mencerminkan kebolehan Mudah.my untuk memahami pasaran tempatan dan menepati permintaan rakyat Malaysia, terutamanya dalam keadaan ekonomi yang sedang pulih. Dengan pengesahan dari Malaysian Book of Records membuktikan komitmen kami bagi mewujudkan proses jual beli kereta terpakai dalam talian yang mudah dan telus,” kata Gaurav Bhasin, KPE, Mudah.my.

Jualan kereta turut meningkat disebabkan pembukaan semula pusat jualan kereta, permintaan yang makin meningkat selepas perintah berkurung serta pembeli turut mengambil kesempatan ke atas pelepasan cukai bagi jualan kenderaan. Menurut laporan Persatuan Automotif Malaysia (MAA) baru-baru ini, Jumlah Keseluruhan Industri (TIV), yang mewakili jumlah jualan tempatan kenderaan penumpang dan komersial, mencatatkan 43% lebih tinggi pada Oktober 2021 (63,489 unit) berbanding September 2021 (44,275 unit). Walau bagaimanapun, dengan pembukaan kilang pada suku ketiga tahun lalu, pengilang kenderaan sedang mengalami kesesakan dalam memenuhi permintaan bagi kenderaan baharu. Kelewatan dalam pengeluaran kenderaan baharu ini bakal menggalakkan jualan kenderaan terpakai, terutamanya bagi pembeli yang ingin membeli kenderaan dengan kadar segera.

lanya selari dengan program mVIP yang memperkasakan pembeli kenderaan terpakai dan penjual untuk membeli dan menjual secara efektif tanpa perlu merasa bimbang, kerana Mudah.my dan MUV percaya dengan penggunaan teknologi dalam mewujudkan urusan jual beli kenderaan terpakai yang telus dan mudah. Secara keseluruhannya, Mudah.my kini mempunyai lebih 7 juta pelawat unik setiap bulan dan lebih daripada 90,000 kenderaan untuk jualan. Dengan tambahan rangkaian pemeriksa terlatih MUV untuk menjanakan laporan dalam talian, program mVIP oleh Mudah.my bakal memberikan rakyat Malaysia dengan pilihan terbesar kereta terpakai yang diperiksa dengan jaminan di Malaysia.

“Semenjak program mVIP dilancarkan tiga bulan yang lalu, lebih 2,000 kenderaan terpakai telah disenaraikan lengkap dengan jaminan. Dengan keadaan ekonomi yang bertambah pulih dan keadaan industri yang semakin positif berdasarkan laporan MAA baru-baru ini, kami menjangkakan jumlah ini akan meningkat,” kata Peter Wong, Ketua Mudah Auto.

Tambahan itu, Andy Te CEO MUV menambah bahawa, “Ia merupakan satu pengalaman yang amat mengujakan kerana dapat bekerjasama dengan Mudah.my.



Usahasama strategik ini membenarkan kami berkongsi kepakaran kami dalam pemeriksaan kenderaan terpakai melalui rangkaian pusat dan hab pemeriksaan kami di seluruh negara. Kami juga gembira kerana telah mencapai sasaran kami untuk mencatatkan jumah 5,000 kereta yang diperiksa di platform Mudah.my, dan akan meneruskan misi kami untuk membantu rakyat Malaysia membeli kereta tanpa perlu rasa bimbang.”

Pembeli kereta digalakkan untuk melayari <https://www.mudah.my/mvip/> atau muat turun aplikasi Mudah.my untuk melihat kategori kenderaan yang tersenarai. Manakala, pemilik kereta digalakkan untuk melayari <https://www.mudah.my/used-car-market-value> untuk menyemak harga kereta anda.

-TAMAT-



### **About Mudah.my Sdn Bhd**

Mudah is part of Carousell, one of the world's largest and fastest growing marketplace platforms in Southeast Asia. Launched in August 2012, Carousell began in Singapore and now has a presence in eight markets under the brands Carousell, Mudah, Cho Tot and OneKyat. Carousell is backed by Telenor Group, Rakuten Ventures, Naver, Sequoia Capital, and Naspers. Visit [www.carousell.com](http://www.carousell.com) for more information.

### **About MUV Marketplace Sdn Bhd**

MUV Marketplace, is Malaysia's first offline2online used vehicle bidding platform. With a success rate of 90% in confirmed transactions in 2020, muv has one of the highest gross merchandise value (GMV) in transactions among used car bidding platforms in Malaysia (RM1.3 billion worth of vehicles sold as at June 2021).

MUV also has access to a large network of used car dealers of over 5,000 dealers with coverage across Malaysia with hubs in major states such as Selangor, Penang, Johor, Perak and Melaka. At these hubs and inspection centres, muv conducts thorough 180-point car inspections on cars that are listed on MUV for sale through their retail platform or their bidding platforms.

Leveraging on its strategic locations, MUV provides fast and free walk-in car valuations at MUV hubs as well as partner centers so consumers can know the value of their car. At the hub, consumers can also choose to list their vehicles on muvbid to sell their car to thousands of potential buyers.

Visit [www.muv-x.com](http://www.muv-x.com) for further information on muv's services and more.

### **For media enquiries, please contact:**

Mad Hat Asia  
Sandeep Dhanoa  
+60 19-220 7790  
[sandeep@madhat.asia](mailto:sandeep@madhat.asia)

Mudah.my Sdn. Bhd  
Jasvin Dhillon  
+6012-346 3891  
[jasvin.dhillon@mudah.my](mailto:jasvin.dhillon@mudah.my)